

TARIKH	25 / 09 / 2016	SEKSYEN	DUNIA
MUKA SURAT	48	RUANGAN	

## Arab Saudi kurangkan tempoh melontar Jamrah

➔ Prosedur baharu babit pengurangan 12 jam elak kesesakan

■ Riyadh

■ badat melontar yang mengakibatkan kira-kira 2,300 orang terbunuh pada musim haji tahun lalu akan dikawal lebih ketat menjelang musim haji bulan depan lapor akhbar Arab Saudi semalam.

Akhbar tempatan, *Saudi Gazette* dan *Arab News* melaporkan, tempoh bagi jemaah melaksanakan ibadat melontar Jamrah akan dikurangkan sebanyak 12 jam.

Ibadat yang simbolik kepada melontar syaitan itu akan dilakukan seperti biasa selama tiga hari bermula 11 September di Mina, terletak lima kilometer di timur Masjidilharam di Makkah.

Kementerian Haji Arab Saudi

berkata, bagaimanapun, tahun ini upacara melontar tidak dibenarkan antara jam 6 pagi hingga 10.30 pagi pada hari pertama, 2 hingga 6 petang pada hari kedua dan dari jam 10.30 pagi hingga 2 petang pada hari terakhir.

"Prosedur ini akan membolehkan jemaah melontar batu dengan mudah dan akan mencegah sebarang kejadian rempuhan yang mungkin disebabkan kesesakan," lapor *Saudi Gazette*, memetik Penolong Setiausaha kementerian, Husain al-Sharif sebagai berkata.

### Elak rempuhan

Bagaimanapun, beliau tidak menjelaskan bagaimana sekatan masa baharu itu dapat mengurangkan potensi berlaku kesesakan. Tragedi rempuhan tahun lalu adalah bencana terburuk dalam sejarah ibadat haji.

Ia berlaku di luar Jambatan Jamarat, struktur setinggi lima tingkat menyerupai tempat letak kereta besar yang menjadi pusat melontar dan menelan kos lebih AS\$1 bilion (RM4 bilion) untuk dibina.

Info

### Larangan waktu melontar

→ **Hari pertama** (11 September): Antara jam 6 pagi hingga 10.30 pagi

→ **Hari kedua** (12 September): Antara jam 2 hingga 6 petang

→ **Hari ketiga** (13 September): Antara jam 10.30 pagi hingga 2 petang

→ **Tempoh melontar** tiga hari bermula 11 September di Mina, terletak lima kilometer di timur Masjidilharam di Makkah

### Kelemhan pengurusan

Jemaah haji menyalahkan penutupan jalan oleh polis dan kelemahan pengurusan aliran ratusan ribu jemaah dalam suhu panas sebagai punca berlakunya rempuhan.

Menteri Dalam Negeri, Putera Mohammed Nayef yang juga pengerusi jawatankuasa haji, mengarahkan siasatan segera dijalankan selepas bencana itu, namun masih tiada sebarang penjelasan sehingga kini.

Sekurang-kurangnya 2,297 jemaah meninggal dunia ketika rempuhan pada 24 September lalu, menurut data pihak berkuasa asing. Arab Saudi sebaliknya mengeluarkan angka kematian berjumlah 769.

Akhbar berkenaan berkata, dalam satu lagi langkah kawalan ke atas orang ramai, jemaah tidak dibenarkan melakukan tawaf di Kaabah satu jam sebelum atau selepas solat di Masjidilharam apabila memulakan ibadat haji mereka.

Musim haji tahun ini bermula pada 9 September, namun ratusan ribu jemaah sudah pun tiba dari seluruh pelosok dunia. AFP